



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
JABATAN KEBUDAYAAN
DAN KESENIAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 29/2022

"ALERT": Festival Kesenian Orang Asal Antarabangsa 2022 bakal mempamerkan keunikan masyarakat orang asal tempatan dan luar negara di Menara Kuantan 188.

FESTIVAL KESENIAN ORANG ASAL ANTARABANGSA 2022 TONJOLKAN KEUNIKAN KEPELBAGAIAN SENI BUDAYA MASYARAKAT ORANG ASAL TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

KUANTAN, 25 November 2022 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) menerusi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan kerjasama Persatuan Seni Silat Senaman Gerak Sentuhan dan Kuantan 188 mengadakan Festival Kesenian Orang Asal Antarabangsa 2022@Kuantan 188 pada 24 hingga 26 November 2022 bermula pukul 10.00 pagi bertempat di Menara Kuantan 188.

Objektif utama penganjuran festival ini adalah untuk mengetengahkan keunikan pelbagai etnik, dan budaya orang asal dari pelbagai negara dan memupuk semangat perpaduan bersama masyarakat dalam aktiviti seni budaya. Ia turut akan menjadi salah satu elemen tarikan pelancong kerana program ini mampu memberi impak kepada industri pelancongan negara menerusi penyerlahan seni budaya orang asal dalam kalangan masyarakat tempatan dan antarabangsa. Selain itu, JKKN ingin mengangkat serta mengekalkan kesenian dan warisan adat budaya orang asal tempatan dalam dan luar negara yang terdiri daripada pelbagai etnik dan bangsa di mata masyarakat.

Festival ini bakal memaparkan keunikan budaya masyarakat Orang Asli dalam dan luar negara. Ia mewujudkan jaringan antarabangsa dalam kalangan orang asal

serantau yang kukuh serta mengeratkan hubungan pemimpin setempat dan semangat perpaduan bersama masyarakat dalam aktiviti seni dan budaya. serta menjadi salah satu elemen tarikan pelancong kerana program ini mampu memberi impak kepada industri pelancongan negara menerusi penyerlahan seni dan budaya orang asal dalam kalangan masyarakat tempatan dan antarabangsa

Acara kemuncak festival ini akan membawakan persembahan kebudayaan dan kesenian masyarakat orang asal tempatan dan antarabangsa akan dipertontonkan kepada umum secara percuma bermula 4.30 petang.

Majlis dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Alsultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang berkenan mencemar duli ke festival ini.

Persembahan dari pelbagai etnik seperti Semelai (Pahang), Mahmeri (Selangor), Seletar (Johor), Baba Nyonya dan Portugis (Melaka), Sabah dan Sarawak serta penampilan khas kumpulan Bah Bola dan penyanyi orang asal, Itam Jelmol.

Penampilan khas dari etnik antarabangsa pula terdiri daripada orang asal Khazakhstan, Afrika, dan Mauritius akan mempersembahkan tarian dan persembahan dari etnik mereka. Tambahnya lagi, pengisian festival ini juga termasuklah pameran dan jualan dari pelbagai etnik dijangka dapat menarik lagi minat pengunjung untuk melihat sendiri hasil – hasil tangan masyarakat orang asal.

“Antara produk jualan yang akan dipamer dan dijual adalah hasil kraftangan seperti bakul dan tikar mengkuang, hasil ukiran tangan, akar kayu dan herba - herba serta peralatan tradisional seperti sumpit”.

“Aktiviti ini bukan sahaja dapat memberi pengetahuan kepada pengunjung tetapi juga dapat membantu meningkatkan ekonomi masyarakat orang asal tempatan dengan penjualan produk mereka”, katanya.

Festival ini turut memperkenalkan pakej – pakej pelancongan seperti Jungle School Gombak, Endau Rompin dan Sungai Lembing di mana pakej penginapan yang memberi pengalaman kepada pengunjung merasai kehidupan orang asal di hutan.

Program ini juga akan mempamerkan produk tradisional Melayu seperti tanjak, sampin, wau serta pameran sejarah pahlawan Pahang. Selain itu pelbagai pertandingan bakal diadakan sepanjang dua hari festival berlangsung seperti pertandingan busana, nyanyian orang asal, Battle of The Band orang Asal, silat gerak cepat dan memancing.

Festival Kesenian Orang Asal Antarabangsa 2022 adalah satu ruang inovasi terutama dalam mencipta satu kebudayaan nasional yang matang dan mapan buat semua rakyat Malaysia berasaskan pengiktirafan silang budaya.

Festival ini mendapat kerjasama dari Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Jabatan Kemajuan Orang Asli, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, serta Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan Jabatan Penerangan Malaysia dan Kerajaan Negeri Pahang.

Untuk maklumat lanjut berkaitan acara ini, boleh menghubungi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Pahang dan Menara Kuantan 188 di talian 09-513 5821. Selain itu, boleh layari media sosial JKKN Pahang dan Menara Kuantan 188.

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my **E-mel:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya
Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Mazidah binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN mazidah@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Nurhidayah binti Zakaria Penolong Pegawai Penerangan Unit Komunikasi Korporat, JKKN nurhidayah@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 019-559 6404
--	---

